

# Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Berdasarkan Akhlak Nabi Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)

Ramly, Nur Adillah<sup>1</sup>& Masnan, Abdul Halim<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

<sup>2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [abdul.halim@fpm.upsi.edu.my](mailto:abdul.halim@fpm.upsi.edu.my), [adillah.ramly@gmail.com](mailto:adillah.ramly@gmail.com)

Available online 28 December 2023

**Abstract:** The formation of morals and moralities is a process that is constantly changing in the self that involves the physical and mental systems. As a result, each person has a unique or unique pattern of adaptation to themselves, others, and their environment. This study defines moral formation as developing children's behaviour towards good behaviour based on the prophet's morals found in the National Preschool Standard Curriculum (KSPK), such as patience, hardwork, and caring. This moral corresponds to the KSPK module on Spirituality, Attitude, and Values. This study involves library research. The documents analyzed consist of journals and article reviews on the formation of morals and moralities that are analyzed thematically to determine the elements that can shape children's morals. The results of this study found that sources from the Al-Quran, hadith, Asmaul Husna and the Prophet's sayings can form pure values in children and then form children's personalities to have noble morals in line with Islamic teachings. Next, this study has significance for the Ministry of Education and Culture and Early Childhood Education teachers as a guide for teaching Moral Education to shape children's morals.

**Keywords:** The formation of children's character, the character of the prophet, the national preschool standard curriculum (KSPK)

**Abstrak:** Pembentukan moral dan akhlak merupakan proses yang sentiasa berubah dalam diri yang melibatkan sistem fizikal dan mental. Akibatnya, setiap orang mempunyai pola penyesuaian diri yang unik atau unik terhadap diri sendiri, orang lain, dan persekitaran mereka. Dalam kajian ini, pembentukan akhlak ditakrifkan sebagai kemenjadian perilaku kanak-kanak ke arah tingkah laku yang baik yang berdasarkan akhlak nabi yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), seperti sabar, rajin, dan penyayang. Akhlak ini sepadan dengan modul KSPK yang berkaitan dengan Kerohanian, Sikap, dan Nilai. Kajian ini melibatkan kajian perpustakaan. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada jurnal dan tinjauan artikel mengenai pembentukan moral dan akhlak yang dianalisis secara tematik untuk menentukan elemen yang boleh membentuk akhlak kanak-kanak. Hasil kajian ini didapati bahawa sumber dari Al-Quran, hadith, Asmaul Husna dan sirah nabi berupaya membentuk nilai murni dalam diri kanak-kanak seterusnya membentuk peribadi kanak-kanak agar berakhlaq mulia selari dengan ajaran Islam. Seterusnya kajian ini mempunyai signifikan terhadap KPM dan guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) sebagai panduan guru dalam mengajar Pendidikan Akhlak bagi membentuk akhlak kanak-kanak.

**KataKunci:** Pembentukan akhlak kanak-kanak, akhlak nabi, kurikulum standard prasekolah kebangsaan (KSPK)

## 1. Pengenalan

Pendidikan ialah proses sistematik yang melibatkan pemindahan pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai, dan norma-norma daripada generasi kepada generasi yang seterusnya. Pendidikan ini bertujuan untuk membantu individu

mengembangkan potensi mereka dalam aspek jasmani, intelek, emosi, sosial dan rohani, sehingga mereka dapat menyumbang kepada masyarakat. Justeru itu, adalah penting setiap individu mendapat pendidikan yang lebih baik dan berkualiti seawal usia kanak-kanak. Dalam pendidikan, usaha untuk membentuk peribadi anak haruslah menjadi fokus utama untuk membentuk manusia menjadi insan yang mulia. Ini kerana hasil pendidikan yang baik mampu membuat anak menjalinkan hubungan baik dan bertingkah laku yang baik sesama manusia terutama terhadap penciptanya (Ahmad, 2021).

Pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) merupakan peringkat pendidikan yang paling asas dalam kehidupan seseorang kanak-kanak sebelum mereka memasuki alam pendidikan yang lebih formal. Setiap individu mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan asas yang mencukupi kerana pendidikan yang sempurna akan menghasilkan individu yang berjaya dan berakhhlak mulia. Menurut Kassim & Negara (2018), asas pendidikan pada peringkat awal usia adalah sangat penting yang mampu memberi impak untuk kehidupan pada masa hadapan.

Sektor awam dan swasta di Malaysia menyediakan pendidikan awal kanak-kanak untuk kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Prasekolah, tadika dan tabika digunakan dalam kedua-dua sektor ini (Muda et al., 2018). Kanak-kanak di peringkat usia ini diajar oleh kumpulan guru yang terdiri daripada guru PAKK dalam persekitaran pendidikan yang sesuai dengan usia mereka. Ini adalah penting kerana ia ialah usaha berterusan untuk meningkatkan lagi potensi setiap orang secara menyeluruh dan bersepadan dalam usaha untuk mewujudkan manusia yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi, dan fizikal berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini menumpukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang memfokuskan kepada modal insan. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, KPM memberi tumpuan terhadap pembangunan kanak-kanak secara komprehensif dan bersepadan bagi melahirkan generasi yang berwawasan dan berdaya saing dalam perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Matlamat usaha ini untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkebolehan untuk mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, Masyarakat dan negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah diwujudkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1996 untuk meningkatkan pendidikan negara. Ia bertujuan untuk menjadi asas dan tunjang kepada sistem pendidikan negara dan menyokong usaha pembangunan insan dengan mendidik rakyat secara menyeluruh dan menyeluruh. Ia ialah hasil daripada revolusi dan pembaharuan sistem pendidikan Malaysia yang berterusan sejak zaman kolonialisme British sehingga hari ini (Rosliet al., 2022). Membangunkan modal insan yang berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berpengetahuan, berketerampilan, dan berkebolehan untuk mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, agama, dan negara ialah matlamat utama pelaksanaan FPK. Oleh itu, setiap aktiviti pendidikan mesti mengandungi elemen utama FPK, iaitu membina individu yang seimbang daripada segi fizikal, emosi, rohani, intelektual dan sosial (Saad, 2023).

Kerajaan terus mengambil inisiatif, dan pada tahun 1996, prasekolah telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pada tahun 2003, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan pertama diwujudkan. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003 telah diubah suai selepas lima tahun pelaksanaan. Pada tahun 2010, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dicipta dan digunakan di semua prasekolah kerajaan dan bukan Kerajaan. Selain itu, reka bentuk kurikulum modular, standard, dan berkisar pada enam tunjang yang akan diteruskan di sekolah rendah dan menengah yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017.

KSPK dibangunkan dengan menumpukan pada piawaian kandungan dan pembelajaran yang mesti difahami dan boleh dilakukan oleh kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Pengetahuan, kemahiran asas dan nilai yang dipegang oleh enam tunjang pembelajaran: bahasa dan komunikasi; kerohanian, sikap dan nilai; kemanusiaan; sains dan teknologi; dan perkembangan fizikal dan estetika.

Usaha kerajaan ini bertepatan dengan pandangan Al-Ghazali (2000) bahawa kanak-kanak perlu dididik sejak lahir. Beliau menegaskan bahawa hanya wanita yang berbudi bahasa yang baik boleh menjaga atau mengasuh kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak sentiasa memerlukan pendidikan agama. Ini selaras dengan matlamat pendidikan awal kanak-kanak, yang mengajar supaya kanak-kanak bertingkah laku dengan cara yang baik, seperti tidak berbohong, bersederhana, merendah diri, bersahabat dengan orang yang baik, dan tidak sompong atau membangga diri (Fauzian & Firdaus, 2018).

Pendidikan akhlak adalah penting untuk membina peribadi mulia seseorang individu. Orang yang mendapat pendidikan yang baik boleh mempunyai akhlak dan budi pekerti yang tinggi (Zurita & Alwi., 2022). Agama Islam memberi tumpuan lebih kepada pembentukan sahsiah kanak-kanak daripada tingkah laku fizikal mereka. Menurut Anam (2023), penerapan iman dalam roh dan jiwa mesti disertai dengan penerapan akhlak. Ini juga bertepatan dengan hadis daripada Abu Hurairah Radhiyallahu ‘Anhu, di mana Baginda bersabda:

إِنَّمَا يُعِظُّنَا اللَّهُ تَعَالَى مَعَ الْأَخْلَاقِ  
"Sesungguhnya aku diutus hanya untuk menyempurnakan akhlak."

Allah mengutus Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dengan perilaku (akhhlak) yang mulia, yang menjadikan beliau sebagai contoh yang baik untuk umat manusia. Baginda Rasulullah SAW Merupakan contoh terbaik akhlak

seorang mukmin dengan akhlak baginda Rasulullah sendiri adalah bersandarkan al-Quran yang begitu sempurna. Akhlak yang baik ialah gambaran sifat semula jadi seseorang (Nadzri et al., 2021). Dengan mengambil kira akhlak Rasulullah SAW dalam kehidupan seorang muslim, pembangunan akhlak dalam diri seorang muslim perlu dididik, dipupuk dan dipelajari dari awal kehidupan mereka dan diamalkan sepanjang kehidupan. Ini dapat diperkuatkan lagi dengan sabda Rasulullah yang bermaksud;

*“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”*  
(Sahih Ahmad, hadis 8952)

Melalui hadis di atas dapat disimpulkan bahawa proses didikan akhlak perlu selari dengan keperibadian akhlak Rasulullah dengan mencontohi segala sunnah baginda kerana dalam sunnah baginda terdapat sifat-sifat akhlak manusia yang mulia lagi terpuji di sisi Allah. Ini dapat disokong dengan pujian Allah terhadap akhlak Rasulullah s.a.w yang diturunkan di dalam al-Quran yang bermaksud;

*“Sesungguhnya kamu (wahai Muhammad) benar-benar berakhlek mulia”.*  
(Surah al-Qalam 68: 4)

Kajian ini memfokuskan kepada tiga akhlak terpuji nabi Muhammad SAW iaitu sabar, penyayang, dan rajin. Ini selari dengan kandungan modul KSPK dengan tajuk sirah nabi yang memfokuskan kepada akhlak nabi iaitu sabar, penyayang dan rajin yang terdapat di dalam KSPK (Semakan 2017).

## 2. Latar Belakang Teori

Bahagian ini membincangkan teori yang mendasari kajian ini serta perspektif tokoh Timur dan Barat. Imam Al-Ghazali dan Abdullah Nashih Ulwan ialah tokoh pendidikan Timur yang memberikan perspektif mereka. Selain itu, teori perkembangan moral Piaget dan Kohlberg ialah rujukan utama kajian Barat. Teori moral lain juga dibincangkan sebagai rujukan.

### 2.1 Perspektif Imam Al-Ghazali

Menurut Khir Johari & Aida Soraya (2020), Imam Al-Ghazali adalah antara ahli psikologi dan psikoterapi Islam yang paling awal. Beliau adalah antara orang yang memulakan terapi moden. Selain itu, beliau meninggalkan koleksi ilmu yang sangat berharga. Ahmad Syauqy (2019) mengakui bahawa Imam Al-Ghazali merupakan salah seorang individu yang paling besar dalam membangunkan bidang pendidikan Islam dan psikologi yang sangat penting. Beliau percaya bahawa akhlak mesti mempunyai keadaan dalaman yang baik dan terdapat empat bahagian (kekuatan) dalam minda manusia, termasuk dalam jiwa seseorang dengan perilaku akhlak yang baik.

Meskipun pendekatan Imam Al-Ghazali tertumpu kepada metodologi tasawuf (berkaitan jiwa), ia ialah pendekatan bimbingan yang sangat komprehensif yang mengambil kira tingkah laku, emosi dan pemikiran. Imam Al-Ghazali dianggap sebagai guru terbaik dalam pendidikan awal kanak-kanak, berbanding guru Barat seperti Froebel dan Montessori. Dalam perspektif Imam Al-Ghazali, konsep akhlak mulia dan fitrah diakui dalam pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, Mok Soon Sang (2008) menamakan perspektifnya sebagai Teori Keperluan Fitrah Manusia, yang selari dengan Teori Keperluan Manusia Abraham Maslow (1908-1970).

Pendidikan akhlak dan moral adalah penting bagi Imam Al-Ghazali. Beliau menyatakan bahawa ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya, dan persekitaran ialah semua elemen yang memainkan peranan penting dalam membina akhlak kanak-kanak. Untuk membolehkan kanak-kanak bertingkah laku dengan baik, mereka memerlukan latihan, disiplin, pujian dan bimbingan moral. Oleh yang demikian, semua pihak termasuk ibu bapa dan guru perlu memberi contoh kepada anak-anak mereka.

Apabila ia boleh digunakan sebagai asas untuk membina model pendidikan akhlak, rangkuman ilmu Islam yang disusun oleh Imam Al-Ghazali (1058–1111) dalam kitab *Ihya' Uulumuddin* memberikan sumbangan besar kepada dunia pendidikan. Kitab itu memberikanuraian terperinci tentang satudisiplin ilmu yang berkaitan dengan pembinaan akhlak dan tingkah laku kanak-kanak. Ia bukan sahaja bercakap tentang sifat dan keperluan manusia, tetapi ia juga merangkumi pelbagai cara untuk merawat keceliaruan dan perbuatan keji (mazmumah) yang dilakukan oleh seseorang.

Menurut Al-Ghazali (2005), kanak-kanak perlu dididik dengan budi bahasa, kesopanan, kerendahan hati agar dapat terhindar daripada sifat tercela seperti kemalasan atau menurut nafsu secara berlebihan, bercakap besar dan sombong. Rakan sebaya juga boleh mempengaruhi kanak-kanak dengan cara yang baik atau buruk. Mereka sepatutnya memilih rakan sebaya yang berbudi pekerti, berdisiplin dan saling membantu untuk kematangan moral yang baik dan perkembangan diri yang sihat.

Teori Nasihat Imam Al-Ghazali dibincangkan oleh Sabiluna (1999). Seperti yang ditunjukkan oleh penyelidikan Sabiluna, nasihat merupakan komponen penting dalam kehidupan manusia untuk mendidik orang ramai untuk menjalani kehidupan yang bermoral. Allah SWT memberikan nasihat melalui ayat dan surah tertentu dalam Al-Quran. Nasihat dan teguran berbeza kerana kedua-duanya mungkin mempunyai elemen yang sama tetapi kesan yang berbeza (Sabiluna 1999).

Menurut Al-Ghazali (2000), prinsip teguran dan nasihat adalah berbeza. Nasihat dan teguran disimpan dalam rahsia. Dalam kes ini, pendapat Imam Al-Ghazali sepadan dengan pendapat Imam Asy-Syafi'i, yang menyatakan bahawa seseorang telah memberi nasihat kepada saudaranya jika ia melakukannya dalam diam, tetapi jika ia melakukannya secara terbuka, ia akan mengejek dan memalukan saudaranya.

Oleh itu, nasihat tidak sepatutnya digunakan untuk membuka aib atau kekurangan orang lain. Rekomendasi tidak sepatutnya berupa tohmahan, spekulasi, perkiraan, atau prasangka untuk mematuhi ajaran Al-Quran dan As-Sunnah. Selain itu, nasihat mesti diberikan dengan jujur kerana jika tidak, ia tidak akan berguna malah akan membawa kepada tindakan yang tidak bermoral. Selain itu, nasihat itu akan menjadikan perbuatan seseorang lebih tidak bermoral jika ia datang daripada rasa sompong, dan bangga diri. Sebaliknya, nasihat yang baik dan berkesan perlu didorong dengan keyakinan moral untuk menghasilkan individu yang bermoral.

Untuk memberikan nasihat yang berkesan, penasihat mesti mempunyai keyakinan moral yang teguh dan tidak takut kehilangan kedudukan atau keuntungan material. Berdasarkan konsep pendidikan tauhid, seseorang harus mengekalkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan sehingga akhir hayat, Fahrerozi dan Muthoifin (2018) menyatakan bahawa manusia amat digalakkan untuk belajar tanpa henti dan sentiasa berfikiran terbuka apabila menerima nasihat. Individu yang ingin diterima dan direhui oleh Allah sangat bergantung pada konsep tauhid.

Proses memperoleh pengetahuan dipanggil pendidikan. Sementara itu, perubahan tingkah laku ialah hasil daripada pembelajaran yang diterima semasa proses pembelajaran. Dalam hal ini, Al-Ghazali (1998) menyatakan bahawa pendidik mempunyai tanggungjawab untuk membantu kanak-kanak membangunkan personaliti, karakter, keupayaan membuat keputusan dan tingkah laku yang baik, bukan sekadar mengajar. Oleh itu, pembelajaran dan pendidikan harus terarah kepada mencapai objektif pendidikan.

Menurut Al-Ghazali (2001), matlamat utama pendidikan ialah untuk mendekatkan diri kepada Tuhan dan memperoleh pengetahuan yang boleh membawa kepada tingkah laku mulia dan baik. Perspektif Imam Al-Ghazali membolehkan kita membuat kesimpulan bahawa pandangan beliau seajar dengan pernyataan hasrat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan fizikal dengan asas kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Sebagai hasilnya, rakyat Malaysia akan mempunyai pengetahuan, kebolehan, dan moral yang tinggi.

Garis panduan strategi aspek pengajaran Al-Ghazali jelas menunjukkan peranan penting guru sebagai pendidik dan pembentuk akhlak mulia. Kanak-kanak pasti akan mempunyai tingkah laku yang positif jika guru menggunakan kaedah yang dicadangkan. Keputusannya ialah pendekatan pendidikan yang dibangunkan oleh Al-Ghazali sepatutnya digunakan sebagai asas untuk pembentukan peribadi guru dan akhlak mulia kanak-kanak. Selari dengan kajian ini, perincian terperinci berpusat pada matlamat, iaitu untuk mengetahui bagaimana modul pendidikan akhlak memberi kesan kepada tingkah laku positif kanak-kanak.

## **2.2 Pandangan Abdullah Nashih Ulwan**

Terdapat banyak teori dan pendapat berbeza tentang cara mengajar dan mengajar kanak-kanak pada peringkat awal pembelajaran. Abdullah Nashih Ulwan (1996) dalam bukunya yang terkenal, Tarbiyatul-Aulad fi'l-Islam, menyatakan bahawa guru mempunyai tujuh tugas utama: mengajar iman, akhlak (moral), fizikal, intelektual, psikologi, sosial, dan seksual.

Kedua-dua ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab untuk mencorakkan kehidupan anak-anak mereka dengan memberikan pendidikan yang terbaik dan paling sesuai, menurut Abdullah Nashih Ulwan (1996). Ibu bapa menjadi contoh yang baik kepada anak-anak mereka. Anak-anak akan mengikuti tindakan ibu bapa semasa mereka membentuk tingkah laku dan kepribadian mereka. Dalam hal ini, Imam Al-Ghazali (2001) bersetuju dengan konsep bahawa anak ialah amanah Allah SWT kepada ibu bapa mereka. Tanggungjawab ibu bapa adalah penting dan sepatutnya dilaksanakan dengan sewajarnya.

## **3 Metodologi**

Metodologi kajian ialah perkara yang sangat penting. Metodologi kajian juga mempengaruhi hasil kajian. Kajian kualitatif yang direka bentuk berdasarkan kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul data untuk kajian ini. Hanson et al. (2005) menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif boleh membantu penyelidik memahami amalan lebih mendalam.

Data kajian ini terdiri daripada sumber primer dan sekunder yang diperoleh daripada karya bertulis, seperti buku, artikel, jurnal dan tesis. Pengkaji menganalisis kandungan teks daripada sumber dokumen berikut mengenai elemen pembentukan akhlak dan moral. Analisis secara tematik untuk menentukan elemen yang menyumbang kepada pembentukan akhlak; kemudian, ia disusun mengikut tema yang dibincangkan. Data yang berdasarkan penulisan dan dokumentasi bertulis boleh didapati dengan menggunakan teknik ini.

Selain itu, pengkaji membuat rujukan kepada al-Quran dan al-Hadith untuk mendapatkan teks yang berkaitan dengan elemen yang membentuk akhlak. Rujukan kepada al-Quran dan al-Hadith adalah asas untuk kajian ini kerana subjek yang dibincangkan adalah berdasarkan Islam. Selain itu, kajian ini merujuk kepada kitab-kitab muktabar,

termasuk tafsir al-Quran dan al-Hadith, yang berfungsi sebagai garis panduan lengkap untuk umat Islam dalam semua aspek kehidupan mereka. Pengumpulan data daripada sumber utama dan analisis kandungan teks dokumen boleh menawarkan maklumat yang berkaitan dengan masalah dan isu yang dikaji.

## 4 Dapatan dan Perbincangan

Menurut Imam Al-Ghazali dan Ibnu Miskawayh (2003), akhlak boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku yang telah menjadi kebiasaan bagi seseorang individu. Itu boleh menjadi hasil daripada latihan atau dididik sejak kecil. Dengan kata lain, tindakan ini dilakukan secara spontan tanpa berfikir panjang tentang tujuan mereka (Ramli & Zamzami, 2022). Pendidikan akhlak dapat membentuk dan membimbing keinginan seseorang untuk melakukan perkara yang baik dan menjadikannya rutin. Tujuan pendidikan akhlak adalah untuk menghasilkan individu yang mempunyai tingkah laku yang baik dalam pelbagai aspek kehidupan. Memahami makna jiwa, mulai permintaan, tujuan, kekuatan atau daya, akan membolehkan kita membentuk akhlak baik ini. Manusia akan mencapai kesempurnaan jika jiwanya dibina dengan betul. Pendidikan boleh membina jiwa (Mulia, 2019).

Al-Ghazali melihat konsep pendidikan akhlak melalui penyucian jiwa atau rohani melalui jalan tasawuf. Beliau percaya bahawa melalui laluan tasawuf akan dapat meletakkan akhlak seseorang ke arah yang lebih baik. Cara ia diterapkan melalui latihan dan penyucian jiwa dengan meninggalkan perkara yang membawa kepada kejahanatan walaupun perkara-perkara itu bersifat batin. Cara seterusnya ialah dengan sungguh-sungguh melaksanakan kebaikan yang telah diterima melalui sains dan juga mengurangkan sebanyak mungkin perbuatan jahat yang dihantar di dalam hati kerana akhlak menjadi sesuatu yang penting dalam menilai seseorang (Anam, 2023).

Kajian ini penting untuk dilaksanakan selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sedang menumpukan pembangunan modal insan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, KPM memberi tumpuan kepada pembangunan kanak-kanak secara holistik dalam cara yang komprehensif dan bersepadan bagi melahirkan generasi yang berwawasan dan berdaya saing dalam perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Inisiatif ini bertujuan untuk menjana rakyat Malaysia yang berintegriti, berketerampilan, berakhlek mulia, berilmu pengetahuan, dan berdedikasi yang mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh guru PAKK tidak kira daripada sektor swasta mahupun kerajaan dalam usaha membentuk akhlak kanak-kanak ke arah akhlak Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, kajian ini dapat digunakan untuk melengkapi kajian-kajian sedia ada dalam usaha membentuk akhlak mahmudah kanak-kanak seawal usia empat tahun.

### 4.1 Kepentingan Pendidikan Akhlak Kepada Kanak-Kanak

Akhlek seseorang dapat diterapkan dan diubah menjadi akhlak yang baik melalui proses pembelajaran atau didikan yang baik. Pendidikan akhlak kanak-kanak ialah proses membentuk dan mengembangkan nilai-nilai moral, etika, dan perilaku yang baik pada anak-anak (Kamal,2023) Tujuan utama pendidikan akhlak kanak-kanak adalah untuk membantu anak-anak memahami konsep-konsep moral, mempraktikkan nilai-nilai yang baik dan mengembangkan sikap positif dalam berinteraksi dengan orang lain (Ismail & Hassan, 2021). Selain itu, pendidikan akhlak di usia kanak-kanak ialah suatu asas untuk mencapai tingkat hikmah dalam menentukan kelakuan atau pilihan yang baik dan benar berdasarkan pandangan akal dan syarak (Harisah,2018).

Pendidikan adalah penting untuk mencipta generasi yang seimbang daripada segi fizikal, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Menurut Zaidi et al. (2019), sebelum melangkah ke alam persekolahan formal, pendidikan asas yang diterima oleh kanak-kanak di tadika atau prasekolah adalah penting. Kajian Ismail & Hassan (2021) membuktikan bahawa kelakuan akhlak kanak-kanak dapat dipengaruhi oleh aktiviti pendidikan yang diatur oleh guru-guru di sekolah dengan efektif serta amalan dan pengetahuan guru tersebut. Pendidikan akhlak yang dipelajari melalui komponen atau tunjang Perkembangan Kerohanian sering dianggap mudah dan tidak diberi perhatian yang mencukupi. Walau bagaimanapun, pendidikan akhlak ialah pendidikan paling asas yang harus diberikan sejak awal kanak-kanak (Fauzian& Firdaus, 2018).

Dalam kajian yang dijalankan pada tahun 2020, Ismail & Hassan (2021) menekankan asas-asas pendidikan awal kanak-kanak, serta garis panduan yang diberikan oleh Al-Quran sebagai garis panduan universal untuk membina masyarakat yang bermoral tinggi. Selain itu, telah dinyatakan bahawa beberapa contoh petikan ayat Al-Quran yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak Islam telah meletakkan asas untuk pendidikan awal.

Pada asasnya, Islam telah meletakkan asas dan objektif yang kukuh lagi teguh untuk pendidikan akhlak supaya ia boleh disesuaikan dan memenuhi keperluan agama. Kepincangan dalam memenuhi tuntutan agama ialah punca utama keruntuhan akhlak yang meluas dalam masyarakat hari ini. Menurut Fauzian & Firdaus(2018), kanak-kanak yang dibesarkan dalam budaya seperti ini pastinya terpengaruh oleh fenomena keruntuhan akhlak yang berlaku di sekeliling mereka. Selain itu, dalam era globalisasi tanpa sempadan sekarang, segala-galanya boleh diakses dengan cepat dan sukar dikawal.

Dengan jiwanya yang murni dan suci, kanak-kanak adalah amanah dan tanggungjawab kepada kedua orang tuanya. Jiwanya ialah permata berharga yang murni, bebas daripada ukiran dan gambaran; ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada kecenderungannya (Rahman, 2021).

Pernyataan ini menunjukkan dengan jelas bahawa ahli falsafah Islam dan Barat mengutamakan pendidikan awal. Mereka bersetuju bahawa pendidikan awal kanak-kanak harus diberi perhatian sepenuhnya. Ini adalah kerana kanak-kanak mempunyai tempoh perkembangan yang pantas dan memerlukan perhatian khusus. Istilah ‘tempoh kritis’ merujuk ke tempoh masa yang dimaksudkan.

Agar sebuah masyarakat yang diredhui Allah dapat terbentuk, sebuah negara yang maju bukan sahaja dari sudut ekonomi, sosial, pembangunan, dan material, tetapi juga maju dari sudut modal insan dan kepribadian muslim yang sejati (Latif et al., 2020). Setiap individu mesti diberikan pendidikan yang sempurna mengikut ajaran Islam sejak kecil.

Perkembangan fizikal, intelektual, emosi, dan rohani kanak-kanak sangat bergantung kepada jenis pengasuhan yang diterima, terutamanya pada peringkat penting ini dalam perkembangan mereka. Oleh itu, pendidik perlulah memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang cemerlang, yang akan menjadi aset negara yang hebat pada masa akan datang.

Munir et al. (2022) menyatakan bahawa akhlak ialah istilah yang merujuk kepada budi pekerti, tingkah laku atau tabiat seseorang. Istilah ini berasal daripada perkataan Arab "خُلُقٌ", yang bermaksud tingkah laku, perangai, atau tabiat. Akhlak dalam Islam mencakup perilaku, sikap, dan moral seseorang, serta aspek etika, moral, dan tata krama yang digariskan oleh agama Islam. Selain itu, akhlak ialah asas penting bagi seseorang yang beragama, dan Allah SWT mengutus Rasulullah SAW untuk meningkatkan akhlak manusia.

Dalam dunia pendidikan hari ini, terdapat banyak model pengajaran dan pembelajaran yang berbeza yang berasaskan teori dan perspektif Barat yang bertentangan dengan fitrah manusia. Menerusi Al-Quran dan As-Sunnah, Islam telah memberikan beberapa garis panduan khusus untuk menangani semua masalah yang dihadapi manusia. Pernyataan-pernyataan dalam Al-Quran bukan sahaja mengenai syariat, ibadah, dan akhlak, tetapi ia juga merangkumi seluruh sistem kehidupan manusia dan kemajuan mereka (Salleh & Yunus, 2021).

Pendidikan akhlak dan moral dianggap semakin penting dalam kehidupan kontemporari. Sistem pendidikan adalah satu-satunya cara masyarakat menangani keruntuhan akhlak yang semakin meningkat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Membangunkan pelajar yang seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan fizikal ialah matlamat sebenar pendidikan. Ini berbeza daripada menuduh sistem pendidikan kerana ia hanya menyampaikan pengetahuan.

Pendidikan akhlak dan moral merupakan kandungan kurikulum yang penting dalam KSPK. KSPK merujuk kepada kurikulum prasekolah kebangsaan di Malaysia yang bertujuan untuk menyediakan pembelajaran holistik dan komprehensif untuk kanak-kanak prasekolah, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal, emosi, rohani, intelektual dan sosial mereka. Ia menekankan pembelajaran berdasarkan permainan, pendekatan yang berpusat pada pelajar dan memupuk semangat untuk belajar dalam kalangan kanak-kanak. Kehadiran tunjang kerohanian, sikap dan nilai serta bidang perkembangan sahsiah, emosi dan kerohanian dalam kedua-dua program pendidikan menunjukkan bahawa pendidikan akhlak dan moral adalah penting untuk diberikan pada peringkat awal pendidikan kanak-kanak.

## 4.2 Elemen-Elemen Yang Menjadi Sumber Pembentukan Akhlak

Terdapat empat elemen yang digunakan sebagai rujukan dalam pembentukan akhlak kanak-kanak. Setiap komponen tersebut terdiri daripada al-Quran, Hadith, Asmaul Husna dan Sirah Nabi seperti dinyatakan di bawah:

### 4.2.1 Al-Quran

Secara etimologi, perkataan ‘al-Qur'an’ berasal daripada kata qoro'a, yang bermaksud membaca, dan maknanya adalah bacaan atau yang dibaca. Al-Quran, kitab suci umat Islam, menyediakan garis panduan yang berfungsi sebagai asas untuk membina akhlak yang mulia. Oleh itu, pendidikan akhlak yang didasari oleh Al-Quran dan termasuk aspek rohani, emosi, akal, dan fizikal boleh menjadikan akhlak dan rohani sebagai asas untuk membina akhlak yang baik dalam diri seseorang (Samudra et al., 2022). Dalam konteks kajian ini, Al-Quran menjadi sumber terbesar sebagai bahan rujukan bagi membangunkan modul ALiM di mana di dalam Al-Quran ada menyebut tentang sikap sabar, rajin dan penyayang yang menjadi intipadi dalam pembangunan modul ALiM.

### 4.2.2 Hadis

"Hadis" ialah istilah yang disandarkan kepada Nabi Muhammad (SAW). Ia merupakan sumber penting dalam agama untuk memberikan bimbingan moral dan akhlak kepada orang Islam. Hadis, yang ditakrifkan sebagai hadiskudsi (hadis suci) atau hadis sharif (hadis mulia), adalah contoh tindakan yang dibuat oleh Nabi Muhammad (SAW). Sebagai contoh, Sunan Abu Dawud, Sahih Bukhari, dan Sahih Muslim ialah sumber hadis yang berbeza (Zulfah & Abidin, 2018).

Setiap perkataan hadis berkaitan dengan akhlak Rasulullah SAW. Ia adalah model peribadi mulia yang harus digunakan sebagai asas etika atau akhlak dalam apa jua cara (Eksanti, 2021; Tunggak & Salamon, 2011). Konsep

seperti nilai, moral, etika dan akhlak berkaitan antara satu sama lain. Peribadi dan amalan Nabi Muhammad SAW, sebagai pembawa wahu kepada manusia, boleh digunakan untuk menerapkan akhlak murni. Ini kerana akhlak Nabi Muhammad (SAW) adalah berdasarkan ajaran Islam al-Quran dan hadis sepenuhnya, sehingga kehidupan baginda menjadikan contoh amalan terbaik yang harus diikuti oleh semua pengikutnya. Konsep ini sering dikaitkan dengan akhlak murni yang kekal dan abadi apabila elemen tersebut dikaitkan dengan hadis (Tunggak & Salamon, 2011).

Al-Quran dan hadis membentuk akhlak umat Islam. Sebaliknya, Hadis ialah sumber rujukan hukum kedua paling penting selepas Al-Quran, dan ia memainkan peranan penting dalam menjelaskan ayat-ayat Al-Quran yang memerlukan penjelasan tambahan. Selain itu, Rasulullah SAW menyatakan bahawa berpegang teguh kepada Al-Quran dan hadis akan membawa keselamatan di dunia dan akhirat. Akibatnya, Hadis juga memainkan peranan penting dalam pembangunan modul ALiM yang bertujuan untuk membentuk akhlak kanak-kanak. Hadis juga menyebut sifat sabar, penyayang dan rajin, seperti yang ditunjukkan di bawah.

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ

Artinya: “Siapa yang tidak berkasih sayang, dia pun tidak akan mendapatkan kasih sayang”. (HR. Abu Dawud, No. 5218).

#### 4.2.3 Asmaul Husna

Secara harfiahnya, Asmaul Husna dihasilkan daripada perkataan ‘Al-Asma’, yang merupakan bentuk nama ‘al-Ism’, yang bermaksud ‘nama’. Perkataan ‘Husna’ berasal daripada perkataan yang paling bermakna ‘Ahsan’. Menurut Husna & Mayar (2021), Asmaul Husna ialah koleksi nama-nama Allah yang baik dan indah.

Penerapan elemen Asmaul Husna dalam mendidik pembentukan akhlak kanak-kanak diperkuatkan lagi dengan mempraktikkan dalam pembelajaran harian. Menurut Sholekha (2022), membaca Asmaul Husna dapat meningkatkan perkembangan nilai-nilai keagamaan kanak-kanak dalam membaca dan menjelaskan sifat-sifat Allah. Nilai perwatakan boleh diterapkan melalui bacaan Asmaul Husna pada setiap individu kanak-kanak pada peringkat awal (Hartati et al., 2021).

Ibnu Qoyyim berkata memahami dan mengamalkan Asmaul Husna ialah pangkal dari segala ilmu. Pada asasnya, Asmaul Husna merupakan salah satu teknik dalam membangunkan nilai-nilai keagamaan dalam diri kanak-kanak bagi membesar dan berkembang menjadi individu dengan akhlak agama yang baik (Husna & Mayar, 2021). Dalam Islam, Asmaul Husna memiliki peranan penting dalam membentuk akhlak kanak-kanak.

Kajian ini meletakkan Asmaul Husna di pasak dalam diri kanak-kanak supaya pengenalan, pemahaman, dan pengamalan bacaan Asmaul Husna boleh menumbuhkan dan mengembangkan akhlak kanak-kanak. Dengan mendengar cerita atau kisah keteladanan Nabi, kanak-kanak akan lebih mencintai Allah dan Rasul-Nya, dan hasilnya mereka akan mempunyai akhlak yang baik. Sifat As Sabur, Arrahman, dan Arrahim yang terdapat dalam Asmaul Husna menjadi asas untuk pembangunan modul ALiM.

#### 4.2.4 Sirah Nabi

Istilah ‘Sirah Nabi’ merujuk kepada biografi Nabi Muhammad. Istilah ‘sirah’ berasal daripada perkataan arab iaitu ‘sirah’ dan kata jamaknya ‘siyaru’ yang bermaksud jalan atau perjalanan. Dalam konteks seseorang, ia termasuk kelahiran mereka, peristiwa kehidupan, tabiat dan ciri-ciri, dan kematian. Dalam kajian Islam, biografi Nabi Muhammad, yang dikenali sebagai ‘sirah nabi’ merupakan elemen yang penting. Ia termasuk butiran tentang kelahiran, pendidikan, pengajaran, dan komuniti Muslim pada zaman dahulu. Biografi beliau menceritakan tentang cahaya kepada keperibadian, tindakan, dan konteks sejarah Islam awal. Sirah nabi ialah sumber teladan inspirasi bagi orang ramai(Kurniawan & Rohmat,2021).

Jadi, dalam mendorong kanak-kanak untuk mempelajari pendidikan akhlak, adalah penting untuk menerapkan elemen sirah nabi ke dalam sesuatu perkara (Mahmud & Junoh, 2017). Justeru itu, bagi membolehkan proses pembentukan anak-anak sebagai modal insan yang berguna dan berjaya, setiap komponen ini perlu diambil dengan teliti. Teori dan komponen modul ini telah dibuktikan dalam pembentukan akhlak melalui empat elemen ini. Empat elemen ini digunakan dalam pengajaran untuk menjadikannya lebih mantap, berkesan dan selaras dengan al-Quran dan as-Sunnah. Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak”  
(Riwayat al-Baihaqi)

Dalam kajian ini, tiga akhlak nabi Muhammad SAW diketengahkan sebagai ikutan dalam mendidik kanak-kanak iaitu sifat sabar, rajin dan penyayang.

### 5 Kesimpulan

Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025,Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengutamakan pembangunan modal insan. Pelaksanaan kajian ini adalah penting untuk mencapai matlamat ini. Selaras

dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, KPM memberi tumpuan kepada pembangunan komprehensif dan bersepadau kanak-kanak untuk melahirkan generasi yang berwawasan dan berdaya saing dalam perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Tujuan program ini adalah untuk menghasilkan rakyat Malaysia yang berintegriti, berketerampilan, berakhhlak mulia, berilmu pengetahuan, dan berdedikasi yang boleh menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

Kajian ini boleh digunakan oleh guru PAKK dalam sektor swasta atau kerajaan untuk membentuk akhlak kanak-kanak ke arah akhlak Islam yang sebenar. Oleh itu, kajian ini boleh digunakan untuk melengkapkan kajian lain yang bertujuan untuk menanamkan akhlak mahmudah dalam kanak-kanak seawal usia empat tahun.

## Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan, 1996. Pedoman Pendidikan Anak dalam Islam. Terj. Saifullah Kamalie & Hery Noer Ali. Kuala Lumpur.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad Imam. 2003. Ihya'Ulum ad-Dīn, Jilid 2 dan 4. Kaherah: Maktabah as Safa.
- Amin, Samsul Munir. (2022). *Sejarah Dakwah*. Amzah Bahtiar Efendi: Repolitisasi Islam: *Pernahkah Islam Berhenti Berpolitik*, (Bandung: Mizan)
- Ahmad, S. I. (2021). *Pendidikan Moderasi Agama Sejak Usia Dini (Studi Pemikiran Imam Al-Ghazali Pada Kitab Ayyuha Al-Walad)* (Doctoral dissertation, IAIN Madura). Scribbr. <http://etheses.iainmadura.ac.id/1796/>
- Al-Ghazali, I. (2000). *Penyelamat Dari Kesesatan*. At-Tanwir Publisher.
- Anam, A. (2023). Konsep Pendidikan Islam Menurut Muhammad Quthb. *PROGRESSA: Journal of Islamic Religious Instruction*, 7(2), 176-188. <https://doi.org/10.32616/pgr.v7.2.470.176-188>
- Amalia Husna & Farida Mayar, 2021. *Strategi Mengenalkan Asmaul Husna Untuk Menanamkan Nilai Agama dan Nilai Moral Pada Anak Usia Dini*. Jurnal Pendidikan. Fakulti Ilmu Pendidikan Universiti Pahlawan.
- Bukhari. (2010). Kitab Adab Al-Mufrad Karya Imam Bukhari. Ilmu Pendidikan Islam, Jakarta: Amzah.
- Eksanti, E. M. (2021). Akhlak Nabi Muhammad Dalam Buku Alwafa: Kesempurnaan Pribadi Nabi Muhammad Saw. *Spiritualita*, 5(2), 54-72. <https://doi.org/10.30762/spiritualita.v5i2.843>
- Fauzian, R., & Firdaus, M. A. (2018). *Pendidikan Akhlak Karimah Berbasis Kultur Kepesantrenan* (Vol. 1). Rinda Fauzian. (2nd Ed.) Alfabeta. Bandung.
- Firdaus. (2019). *Pembiasaan Membaca Asmaul Husna Dalam Menanamkan Pengetahuan Keagamaan Pada Anak Di Sdit Abata Lombok (NTB)*. Jurnal Al-Amin; Kajian Pendidikan dan Sosial Kemasyarakatan, 4(2), 113-136. <http://ejournal.kopertais4.or.id/sasambo/index.php/alamin/article/view/3667>
- Hanson, W. E., Creswell, J. W., Clark, V. L. P., Petska, K. S., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research designs in counseling psychology. *Journal of counseling psychology*, 52(2), 224. <https://doi.org/10.1037/0022-0167.52.2.224>
- Harisah, A. (2018). *Filsafat Pendidikan Islam Prinsip dan Dasar Pengembangan*. Deepublish. Sleman.
- Hartati, Y. S., Dewi, P. A., & Ifadah, L. (2021). Penanaman Karakter Asma'ul Husna pada Anak Usia Dini di PAUD ELPIST Temanggung. *Kiddo: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*, 2(2), 220-234. <https://doi.org/10.19105/kiddo.v2i2.3608>
- Husna, A., & Mayar, F. (2021). Strategi mengenalkan asmaul husna untuk menanamkan nilai agama dan nilai moral pada anak usia dini. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 5(3), 9664-9670. <https://doi.org/10.31004/jptam.v5i3.2486>
- Hefdon Assawqi. 2021. Pendidikan Akhlaqul Karimah Perspektif Ilmu Tasawuf. Jawa Barat: Adab. Ibn Miskawayh. (2003). *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.
- Ismail, M., & Hassan, H. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Akhlak Murid Tabika Kemas Menerusi Model Penilaian Kirkpatrick Di Negeri Kelantan: The Effectiveness of Moral Learning Among KEMAS Preschoolers Through the Kirkpatrick Evaluation Model in the State of Kelantan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 66-71. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i1.6672>
- Kamal, M. (2023). Pentingnya Pendidikan Agama Islam dalam Meningkatkan Nilai Karakter dan Moral Anak di Masa Pandemi. *Journal of Islamic Education*, 9(1), 43-63. <https://doi.org/10.18860/jie.v9i1.22808>
- Kassim, N. F., & Negara, P. P. P. K. K. (2018). Keberkesanan modul pendidikan akhlak berdasarkan surah Luqman terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak: satu kajian kes di Kedah. *Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara*, 1-10.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2018). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Jilid 1: Falsafah dan Objektif Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kurniawan, N., & Rohmat, R. (2021). Profil Nabi Muhammad Saw Dan Nilai-Nilai Pendidikannya. *Berajah Journal*:

- Jurnal Ilmiah Pembelajaran dan Pengembangan Diri, 1(2), 104-110. Scribbr. <https://ojs.berajah.com/index.php/go/article/view/26>
- Latif, M. K., Jimaan, T., & Jasmi, K. A. (2020, February). Competence and Method of Teaching Tarannum Al-Quran Among Teachers of Special Class on Reading and Memorizing Al-Quran Skill (KKQ) in Johor. In *3rd International Conference on Research of Educational Administration and Management (ICREAM 2019)* (pp. 249-253). Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200130.177>
- Mazeni, Ismail (2020). *Keberkesanan Pendekatan Islamic Project :Sebagai Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Terkini Pendidikan Akhlak dalam Kalangan Guru Serta Murid Prasekolah Kemas di Negeri Kelantan*. Universiti Malaysia Pahang.
- Md Zain, A. N., & Yusoff, M. F. M. (2019). Transformasi Pendidikan Malaysia 2013-2025: Kesan Terhadap Pendidikan Teknikal dan Vokasional. *Journal of Technical Education and Training*, 11(1), 1-8.
- Mahmud, M. Z., & Junoh, H. (2017). Kesedaran Akhlak Pelajar Melalui Pembelajaran Pendidikan Islam. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(1). Scribbr. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/otp/article/view/4767>
- Malaysia, K. P. (2016). Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2016 -Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017). <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1943-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-7-tahun-2016-pelaksanaan-kurikulum-standard-prasekolah-kebangsaan-semakan-2017/file>
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, & Nurul Rabiah Mat Noh. (2020). *Kepelbagaiannya Methodologi dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (1st ed.)*. Shah Alam: Qaisar Prestige Resources.
- Mohd Kamal Hassan. 2012. *Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam*. Kertas Kerja Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur, 5 Jun 2012. Anjuran Dewan Amal Islami (DAMAI).
- Muda, F. L., Ismail, A., Aziz, M. A. A., Aziz, S. A., Sharom, N. Q., & Ramlan, S. R. (2018). Service quality of public preschool education in Malaysia: Perceptions of parents. *Jurnal Sains Insani*. Scribbr. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/5082>
- Munir, S., Suhaimi, A., & Zakariya, M. (2022). Pelatihan Intensif Metode Jibril dalam Meningkatkan Kualitas Pengajaran Guru TPQ. *NGALIMAN: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 1(2), 116-125. Scribbr. <https://ejurnal.iaipd-nganjuk.ac.id/index.php/ngaliman/article/view/618>
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, and Muhammad Amirul Mohd Nor, & Mohd Rashidi Omar, and Norhisham Muhamad, (2021) *Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini: satu tinjauan umum*. *Journal Al-Turath*; *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 6
- Nawi.M.Z.M. 2023. *Teras Pemikiran Abu Hamid Al-Ghazali Pemungkinan Kemenjadian Sahsiah Holistik*. International Journal of HumanitiesTechnology and Civilization.: <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i2.6979>
- Nadzri, S., Yaacob, S. E., & Haron, M. S. (2021). Pembinaan Elemen Akhlak Dalam Saft Keusahawanan Islam Berpandukan Al-Quran Dan Hadis. Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021), p. 200-220. Scribbr. <http://conference.kuis.edu.my/icomm/8th/images/021-111.pdf>
- Nur Munirah Roslan, and Mohamad Shukri Abdul Hamid, (2020) *The effectiveness of co-curricular activities by integrated living skills unit in enhancing students' soft skills*. e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 17 (4). pp. 162-172. ISSN 1823-884x
- Nor Fauzian Kassim. (2018). Keberkesanan Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Positif Kanak-Kanak: Satu kajian Kes di Kedah. Tanjong Malim: UPSI
- Rahman, S. R. T. A. (2021). Preschool Education Has Become More Important In Preparing Children. *KQT eJurnal*, 1(1), 57-70. Scribbr. <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/14>
- Rohman, S. (2020). *Pembiasaan Membaca Asmaul Husna untuk Menjaga Potensi Aqidah pada Anak*. Dinar, 1(2), 117-138. <http://ejurnal.stit-almubarok.ac.id/index.php/DIMAR/article/view/36>
- Richie,R.C., & Klein, J.D (2007). Design and Development Research. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, inc.
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103. Scribbr. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/17461>
- Saad, H. B. M. (2023). *Maqasid memelihara akal (hifz al-'aql) dan hubungannya dengan falsafah pendidikan kebangsaan*. Islamiyyat, 43, 93-104. <https://doi.org/10.17576/islamiyat-2021-43IK-08>
- Sakinah Salleh & Alwi Mohd Yunus (2021). Pembanguna Psiko-Pendidikan Karakter: Analisis Teori Psikologi Barat dan Islam. *Jurnal Perspektif*. Tanjong Malim: UPSI.

- Salleh, S., & Yunus, A. M. (2021). Psycho-Educational Character Development: An Analysis of Western and Islamic Psychological Theories. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(2), 22-32. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.2.3.2021>
- Samudra, M. J., Nazara, A. F., Rizki, R., & Hasanuddin, H. (2022). Pengaruh Evaluasi Moral dalam Melejitkan Potensi Anak Penghafal Quran di Rumah Qur'an Abi'nd Umi. *Educate: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, 1(1), 1-17. <https://doi.org/10.56114/edu.v1i1.208>
- Sholekha, A. (2022). Implementation of reading Asmaul Husna: An effort to increase spiritual intelligence. *Journal of Sufism and Psychotherapy*, 2(1), 1-16. *Scribbr*. <https://e-journal.uingusdur.ac.id/jousip/article/view/673>
- Suhaila (2021). Kecenderungan kemalangan jalan raya di Malaysia: *Model hipotesis demografi pemandu profil, pemanduan agresif dan pemanduan berisiko*. Universiti Utara Malaysia:Perlis.
- Shukor, N. A. A., & Mahmud, R. (2019). *Transformasi Pendidikan Malaysia:Kajian terhadap Strategi Pembangunan Pendidikan di Malaysia*. Jurnal Kemanusiaan, 17(2), 32-42
- Tunggak, B., & Salamon, H. (2011). Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Melayu-Islam Menerusi Pemupukan Budaya Niaga Berteraskan Akhlak. *Sari*, 29(2), 123-147. *Scribbr*. <https://core.ac.uk/download/pdf/11492882.pdf>
- Umar Bukhari.2010.Ilmu Pendidikan Islam. Jakarta: Sinar Grafika Offset.
- Yuliana et al. (2021). Konsep Pendidikan Karakter Perspektif Al-Ghazali dan Abdullah Nashin Ulwan. 5(2), 480-487
- Zaidi, F. I., Zawawi, E. M. A., & Nordin, R. M. (2019). Strategy implementation process for better employees' performance in construction companies. In *MATEC Web of Conferences* (Vol. 266, p. 03002). EDP Sciences. <https://doi.org/10.1051/matecconf/201926603002>
- Zulfah, M. A., & Abidin, F. K. (2018). Konsep Pendidikan Akhlak Sebagai Pembentukan Insan Kamil Dalam Perspektif Naquib Al-Attas. *JoEMS (Journal of Education and Management Studies)*, 1(1), 51-60. *Scribbr*. <https://www.ojs.unwaha.ac.id/index.php/joems/article/view/26>
- Zurita, N. A. A. M., & Alwi, E. A. Z. E. (2022). Hubungan Akidah dan Akhlak dalam Pembentukan Individu Muslim di Malaysia [The Relationship of Morals and Akidah to The Formation of Muslims in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 5(4), 101-111. *Scribbr*. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/333>